

Sultan
19 JAN 1974
boleh
cabar
langkah
Parlimen



KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, raja-raja boleh membawa ke mahkamah sekiranya mereka mempertikaikan langkah Parlimen meluluskan pindaan Perlembagaan berhubung kekebalan raja-raja di segi undang-undang.

Perdana Menteri berkata, raja-raja boleh memikirkan mengenai pindaan itu dalam jangka-masa yang diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk menandatangani setelah diluluskan oleh Parlimen.

Bercakap kepada pemberita selepas membentangkan cadangan pindaan itu di Parlimen hari ini, beliau berkata, Parlimen akan membahaskan sekali lagi rang undang-undang itu selepas tempoh 30 hari.

"Jika ia masih tidak diperkenankan oleh raja-raja dalam tempoh 30 hari selanjutnya, rang undang-undang itu secara automatik menjadi undang-undang berdasarkan pindaan Perlembagaan yang dibuat pada 1983," katanya.

Menjawab soalan mengapa cadangan pindaan itu dibentangkan walaupun raja-raja tidak memberikan perkenan, Dr Mahathir berkata, ia untuk

memberikan peluang kepada wakil rakyat membuat pendirian mengenai perkara itu.

"Perkara ini mudah saja kerana ia membabitkan hanya tiga perkara yang akan dipinda iaitu berhubung kekebalan, Akta Hasutan dan pengampunan," katanya.

Dr Mahathir berkata, tiada siapa boleh menghalang Parlimen daripada bersidang untuk meminda Perlembagaan berhubung kekebalan raja-raja kerana itu adalah haknya.

Menurutnya, kerajaan sudah cuba menuruti kehendak raja-raja dan menerangkan kepada Majlis Raja-Raja secara terperinci mengenai pindaan dan penubuhan mahkamah khas.

"Tetapi nampaknya ia tidak bermakna langsung. Kita kecewa kerana kita percaya daripada perbincangan yang diadakan, mereka (enam daripada sembilan raja-raja) setuju tetapi hari ini lain pula," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu mengapa Majlis Raja-Raja menolak pindaan itu.

"Bagi saya, sekiranya kita sudah bersetuju, kita kena pegang kepada persetujuan itu," katanya.